

Headline	Kajian vaksin anti HIV dilanjutkan		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	26 Nov 2016	Color	Black/white
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	4	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	188 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 615
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,846



Kajian vaksin anti-HIV dilanjutkan

KUCHING: Tempoh kajian praklinikal yang membentuk vaksin anti-HIV menggunakan sebatian Pokok Bintangor dilanjutkan dalam usaha memfailkan paten produk.

Menteri Muda Penyelidikan Sains dan Bioteknologi, Dr. Annuar Rapae berkata, paten produk yang membentuk vaksin anti-HIV di bawah Projek Calanolide dilanjutkan ke tahun 2030.

"Projek Calanolide dikendalikan oleh CRAUN Research untuk Kerajaan Negeri Sarawak yang tamat tempoh pada tahun 2014 dilanjutkan kepada 2030.

"Justeru, fasa 1a dan 1b* ujian klinikal anti-HIV yang menggunakan Kayu Bintangor berjaya dijalankan di Kuching dan Pulau Pinang," katanya.

Beliau berkata demikian menjawab soalan Dr. Hazland Abang Hipni (BN-Demak Laut) pada sesi soal jawab Persidangan Hari Kelima Mesyuarat Kedua Penggal Pertama DUN

Ke-18 di sini, semalam.

Tegas Annuar, kajian fasa 1a dijalankan untuk dos tunggal terhadap individu sihat manakala fasa 1b* merupakan dos berganda bagi individu sihat yang masing-masing dikategorikan sebagai berjaya.

"Maka, CRAUN Research sering mengemas kini perkembangan semasa kepada kita mengenai ujian praklinikal dan pembangunan paten produk.

"Pihaknya juga memohon dana untuk konsultan pementauan risikan pemasaran dan latihan luar lesan untuk vaksin anti-HIV," jelasnya.

Dalam pada itu, beliau berkata, kerajaan negeri merancang menubuhkan sebuah badan dikenali sebagai Majlis Penyelidikan Sarawak yang bakal menerajui organisasi serta penguurusan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) di negeri ini.

"Badan itu juga berfungsi untuk memantau aktiviti penyeli-

dikan di Sarawak berdasarkan beberapa garis panduan yang telah ditetapkan.

"Panduan terbabit adalah berdasarkan lima teras utama dalam Polisi Bioteknologi Kebangsaan (NBP) yang dilancarkan pada tahun 2005 merangkumi tiga fasa termasuk Pelan Transformasi Sosioekonomi Sarawak (SETP 2006-2030)," ujarnya.

Katanya, fasa pertama (2006-2010) adalah pembinaan keupayaan yang memfokus kepada pembangunan industri, fasa kedua (2011-2015) merupakan sains perniagaan yang fokus kepada kajian sains perdagangan manakala fasa ketiga (2016-2020) adalah perniagaan global yang fokus kepada membina jenama global dalam negara industri bioteknologi.

Beliau berkata, antara dasar terbabit ialah menggalakkan penyelidikan di Sarawak kerana mempunyai sumber biologi

tersendiri di samping melindungi harta intelek dan komuniti peribumi yang kaya dengan pengetahuan tradisi.

"Justeru, kita mewujudkan pusat latihan dan pembangunan sumber untuk saintis muda yang ingin menjalankan kajian bioteknologi di Sarawak dengan selamat.

"Setakat ini, sebanyak enam universiti di Sarawak menawarkan kursus bioteknologi di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana yang berkemahiran dalam bidang penyelidikan," katanya.

Katanya, universiti berkecuali ialah Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Kota Samarahan, Universiti Putra Malaysia (UPM) Bintulu, Curtin University Sarawak, Swinburne University of Technology Sarawak dan University College of Technology Sarawak (UCTS).